

04 AUG 2004

ABDULLAH-BAJET

BAJET 2005 AKAN SENTUH MENGENAI PENGURUSAN DEFISIT, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Bajet 2005 yang akan dibentang di Parlimen pada 10

Sept, 2004 akan menyentuh mengenai kepentingan menguruskan defisit.

"Kita perlu berbincang mengenai kepentingan pengurusan defisit dan ia

mestilah berhemah," kata beliau.

Bajet itu juga akan menggabungkan aspek-aspek pertanian, sumber baru

pertumbuhan dan kekayaan dan sumber baru pendapatan tambahan.

"Yang pastinya kita akan bercakap mengenai pertanian (termasuk bio-teknologi), sumber baru pertumbuhan, sumber baru kekayaan, sumber baru

pendapatan tambahan," kata Abdullah yang juga merupakan Menteri Kewangan

kepada pemberita ketika ditanya secara terperinci mengenai Bajet 2005.

Beliau bagaimanapun enggan menghurai dengan lebih lanjut mengenai

pembentangan Bajet yang merupakan yang pertama bagi beliau selepas mengambil alih tugas dari Tun Dr Mahathir Mohamad pada bulan Oktober tahun

lepas.

Perdana Menteri berkata demikian selepas menyampaikan ucap tama pada

Persidangan Antarabangsa Imej dan Realiti Muslim dan Islam Abad ke-21, di

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini. -- BERNAMA

SR FR AA